

# TOLNADERM CREAM

Tolnaftate (1% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Tolnaderm Cream
2. Bagaimana Tolnaderm Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Tolnaderm Cream
4. Cara menggunakan Tolnaderm Cream
5. Semasa menggunakan Tolnaderm Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tolnaderm Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Tolnaderm Cream. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Tolnaderm Cream berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan Tolnaderm Cream

Tolnaderm Cream digunakan untuk merawat jangkitan kulat kulit bagi pelbagai jenis kurap di muka, leher, badan, jangkitan kulat pada tangan, kaki atlet dan gatal jock.

Ia juga digunakan untuk merawat jangkitan tinea pada kulit terutamanya kawasan tidak berbulu pada badan termasuk lipatan paha. Krim ini juga sesuai untuk kosmetik dan tidak mengotarkan kulit atau pakaian.

Persediaan Tolnaftate tidak sesuai untuk jangkitan dasar kuku (*nailbed*) dan liang rambut yang

mendalam tetapi boleh digunakan bersama ubatan lain.

## Bagaimana Tolnaderm Cream berfungsi

Tolnaderm Cream mengandungi bahan aktif Tolnaftate.

Tolnaftate mempunyai aktiviti spektrum yang luas untuk merawati kulit jangkitan kulat.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan Tolnaderm Cream

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Tolnaderm Cream sekiranya:

- Anda alah (hipersensitif) kepada Tolnaftate atau kepada apa-apa bahan lain di dalam ubat ini.

### -Sebelum mula mengambil

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum pengambilan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Tolnaderm Cream

### -Berapa banyak harus digunakan

Jika cara penggunaan telah ditetapkan oleh doktor anda, sila ikut arahan doktor.

Jika anda membeli produk ini tanpa preskripsi, anda boleh mengikut cara penggunaan seperti berikut:

- Sebelum penggunaan, songsangkan penutup tiub untuk mencucuk permukaan bukaan tiub.

- Cuci dan keringkan bahagian terjejas. Sapu dan ratakan sedikit krim di sekitar bahagian yang dijangkiti dengan sama rata, dua kali atau tiga kali sehari selama 2 hingga 3 minggu.
- Atau selama 4 hingga 6 minggu jika penebalan kulit berlaku.

Jangan berikan ubat ini kepada kanak-kanak yang berumur bawah 2 tahun. Rujuk kepada doktor anda sekiranya anda ingin memberikan ubat ini kepada kanak-kanak yang berumur bawah 2 tahun.

### -Bila perlu digunakan

Dua kali sehari selepas cuci dan keringkan bahagian jangkitan.

### -Berapa lama perlu digunakan

Rawatan perlu diteruskan selama 2 hingga 3 minggu selepas tandatanda jangkitan beransur pulih bagi mengelakkan jangkitan semula.

Gatal-gatal akan berkurangan dalam tempoh 1 – 3 hari walaupun gejala-gejala tan tandatanda lain mungkin mengambil masa yang lebih lama untuk hilang. Sila hubungi doktor anda jika gejala tidak beransur baik selama 4 minggu (atlet) atau 2 minggu (kurap).

Perhatian kepada kebersihan adalah penting dalam pengurusan jangkitan kulat terutamanya di bahagian lipatan dan kedut.

### -Jika terlupa menggunakan

Sapukan krim ini secepat mungkin dan kemudian teruskan rawatan anda seperti biasa.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada maklumat berkenaan penggunaan berlebihan pada manusia dilaporkan.

## Semasa menggunakan Tolnaderm Cream

### -Perkara yang perlu dilakukan

Untuk rawatan yang lebih berkesan, anda boleh mengikuti langkah-langkah seperti berikut:

# TOLNADERM CREAM

Tolnaftate (1% w/w)

- Tidak digalakkan menggaru di bahagian jangkitan walaupun gatal. Menggaru akan mencederakan permukaan kulit dan menyebabkan jangkitan merebak ke bahagian lain.
- Jaga kebersihan di bahagian jangkitan.
- Pastikan bahagian jangkitan sentiasa kering, tetapi kurangkan geseran pada permukaan kulit.
- Jangan berkongsi tuala, tikar mandi, dan lain-lain dengan orang lain kerana anda boleh menyebarkan jangkitan kepada mereka.
- Pastikan anda membasuh tangan selepas merawat jangkitan untuk mengelakkan ia daripada merebak.

#### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Tolnaderm Cream adalah untuk kegunaan luaran sahaja. Elakkan terkena mata & membran mukus.

#### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Krim ini tidak boleh dimakan. Jika anda tidak sengaja termakan krim, sila menghubungi doktor dengan segera atau hubungi Jabatan Kecemasan hospital terdekat. Jika anda tidak sengaja terkena krim di mata atau mulut, bilas segera dengan air dan hubungi doktor anda.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Tolnaderm Cream boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan. Ia selalunya adalah ringan dan sementara tetapi sesetengah kesan sampingan mungkin serius dan memerlukan perhatian perubatan.

Jika anda mengalami reaksi alahan, berhenti menggunakan Tolnaderm Cream dan memberitahu doktor anda dengan segera atau hubungi Jabatan Kecemasan hospital terdekat.

Tanda-tanda tindak balas alahan mungkin termasuk:

- Kerengsaan kulit
- Kegatalan
- Keradangan kulit

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety.*)

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Tolnaderm Cream**

##### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat dingin dan kering serta terlindung daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

##### -Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### -Rupa dan warna

Tolnaderm Cream adalah krim legap berwarna putih

Tolnaderm Cream boleh didapati dalam tiub aluminium 5g dan 15g.

#### -Bahan-bahan kandungan

##### -Bahan-bahan aktif:

Setiap tiub mengandungi Tolnaftate 1% w/w.

-Bahan-bahan tidak aktif:  
Cetomacrogol Emulsifying Wax, White Soft Paraffin, Butylated Hydroxytoluene, Purified Water, Polyethylene Glycol 400, Methylparaben, Propylparaben, Liquid Paraffin.

**-Nombor MAL:**  
MAL19921306X

#### **Pengilang**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

#### **Pemegang Pendaftaran Produk:**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
-20/04/2017

**Nombor Siri:**  
BPFK(R4/1)120417/00079